

Kongres Bumiputera Yang Kedua selama tiga hari mulai 7 hingga 9 hari

Lebih daripada 600 orang para peserta telah menghadiri Sidang Kongres Bumiputera untuk

Pati Ucapan Tun Abdul Razak

Pada hari pertama Persidangan “Kongres Ekonomi Yang Kedua” dijalankan, Timbalan Perdana Menteri, Tun Abdul Razak di dalam ucapannya telah mengemukakan tiga cara penting untuk memajukan ekonomi Bumiputera. Cadangan-cadangan itu ialah:

- * Menubuhkan sebuah syarikat perniagaan kebangsaan.
- * Mengadakan syarikat kewangan kebangsaan di bawah jajaan dan pandangan Bank Bumiputera.
- * Mengambil bahagian dalam lapangan perniagaan ansuran yang banyak menguntungkan.

Mengulas cadangan-cadangan yang telah beliau kemukakan itu Tun Abdul Razak menerangkan betapa pentingnya syarikat-syarikat perniagaan seperti ini ditubuhkan demi untuk memaju dan memperkukuhkan ekonomi Bumiputera yang sedang bergerak maju di seluruh negeri di Malaysia. Syarikat yang semacam ini – tambah beliau – mempunyai kedudukan yang baik bagi menjalankan perundingan untuk mengadakan usaha-usaha bersama dengan syarikat-syarikat yang lain sama ada dalam negeri atau syarikat-syarikat antara bangsa.

Sebanyak 84 usul telah diluluskan oleh Kongres termasuk tiga usul yang dikemukakan oleh Tun Abdul Razak itu.

Keterangan:

Gambar atas: Yang Teramat Mulia Perdana Menteri Tengku Abdul Rahman sedang berucap di hari pembukaan Kongres.

Gambar bawah: Sebahagian daripada para peserta lelaki dan wanita sedang memperbincangkan usul-usul yang dikemukakan dalam Kongres tersebut.



bulan September 1968 di Dewan Tengku Abdul Rahman – Kuala Lumpur

memperbincangkan kemajuan ekonomi Bumiputera di bidang perusahaan dan perdagangan.

